

MAHATHIR - DADAH

1985

JITRA, 11 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLUNYA KEMPEN SECARA BESAR-BESARAN DIADAKAN UNTUK MENYEDARKAN MASYARAKAT KEPADA MASALAH DADAH.

KATANYA, MASALAH ITU MEREBAK DENGAN PESATNYA DAN PADA MASA INI KIRA-KIRA 200,000 ORANG TERBABIT, KEBANYAKANNYA ORANG MELAYU.

KERAJAAN MEMBERI PERHATIAN YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH TERHADAP PERKARA ITU, KATANYA DALAM UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM DEKAT SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP UMNO AKAN JUGA MENJALANKAN KEMPEN ANTI-PENYALAHGUNAAN DADAH SEBAGAIMANA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU MENASIHATI RAKYAT SUPAYA TIDAK TERBABIT DENGAN DADAH KERANA MEREKA YANG BERSALAH AKAN MENERIMA HUKUMAN YANG BERAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

BELIAU BERKATA SALAH SATU PUNCA ANAK-ANAK MUDA TERBABIT DENGAN MASALAH ITU IALAH PERHUBUNGAN KEKELUARGAAN YANG RENGANG DAN BELIAU BERHARAP PERKARA ITU DIBERI PERHATIAN. -- LAGI.

1843MST 11 05 85

MAHATHIR - DADAH 2 JITRA

MENGENAI KAKITANGAN KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA BILANGAN KAKITANGAN KERAJAAN SERAMAI KIRA-KIRA 800,000 ORANG SEKARANG ADALAH TINGGI BERBANDING DENGAN BILANGAN PENDUDUKNYA SERAMAI 15 JUTA.

BELIAU BERKATA BAHAWA DI JEPUN DARIPADA 45 JUTA PENDUDUKNYA, HANYA 10 PERATUS SAHAJA BEKERJA DENGAN KERAJAAN, MANAKALA DI SINGAPURA HANYA 5 PERATUS BERBUAT DEMIKIAN. -- BERNAMA./ST.

1844MST 11 05 85